

Umat Islam ditindas jika gagal kuasai ilmu moden

Daripada Zainuddin Ayp

BH 27 APR 2001

DUBAI, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam akan terus terkebelakang, diperkecil dan ditindas bangsa lain jika mengabaikan ajaran Islam sebenar, bermusuhan sesama sendiri dan menutup minda daripada menerima ilmu pengetahuan moden.

Perdana Menteri berkata, umat Islam yang kembali kepada cara hidup lama hingga melupakan hakikat sebenar sambil mendakwa 'kita adalah lebih baik daripada orang lain', disifatkan sebagai menipu diri sendiri.

"Kita harus sedar bahawa umat Islam memang kaya dengan ilmu, sentiasa berinovatif dan menjana idea baru seperti bangsa lain. Kita juga mampu mengurus dan memajukan negara sendiri. Kita tahu apa yang kita buat kerana Islam memberi banyak panduan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Menghadapi Cabaran Abad 21: Peranan Negara-negara Islam' di Forum Antarabangsa Emirates, di sini hari ini.

Perdana Menteri kini dalam rangka lawatan dua hari ke sini untuk meninjau perkembangan pembangunan bandar itu, selain menemui dan berdialog dengan usahawan Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UEA).

"Kita bercakap mengenai perlunya umat Islam kuat untuk mempertahankan diri sendiri, jadi kita perlu belajar sains dan teknologi seperti mengeluarkan senjata moden untuk mempertahankan diri"

– Dr Mahathir Mohamad

Beliau juga turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara usahawan kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata, beliau sedar ada pihak yang terlalu menekankan ilmu keagamaan dan ketaatan kepada agama untuk bekalan akhirat, hingga ada ketikanya mengabaikan diri dan negara sendiri hingga mudah terdedah pada musuh.

"Kita bercakap mengenai perlunya umat Islam kuat untuk mempertahankan diri sendiri, jadi kita perlu belajar sains dan teknologi seperti mengeluarkan senjata moden untuk mempertahankan diri," katanya.

Beliau berkata, jika negara Islam mahu memainkan peranan dalam alaf baru, mereka mesti mewujudkan kerajaan yang baik dan berdedikasi hingga mencapai status negara maju.

"Kita tidak boleh melakukan-

nya dalam tempoh singkat. Ia memerlukan masa, mungkin lama tetapi perkara itu bukan mustahil. Malah, agama Islam juga tidak melarang umatnya terus maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, ada umat Islam tersalah tafsir mengenai penekanan terhadap pengajaran Islam hingga mereka tidak mampu menghadapi cabaran era teknologi industri dan kini era teknologi maklumat.

"Kita patut belajar daripada kesilapan tidak menyertai revolusi industri dulu dan harus bersedia menghadapi reformasi teknologi maklumat. Islam sendiri memberi panduan dan membuka ruang yang luas untuk terus maju," katanya.

Dr Mahathir juga mengajak umat Islam berfikir mengenai salah satu inti penting dalam falsafah agama iaitu Islam itu bersaudara.

"Bolehkah kita secara jujur mengatakan bahawa kita me-

layan sesama kita sebagai bersaudara.

"Kita dianjurkan mencari ilmu pengetahuan hingga ke negara China, tapi kita tidak melaksanakannya. Kita hanya mentafsir mencari ilmu pengetahuan itu hanya sekadar belajar ilmu agama saja.

"Pada zaman Rasulullah misalnya, adakah umat Islam belajar ilmu agama di negara China? Tentunya tidak kerana China ada ilmu lain yang boleh dipelajari, termasuk dalam industri persenjataan, kertas, kincir air dan seni tembikar," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika menghadapi cabaran abad ke-21, perkara penting yang perlu dilakukan ialah meletakkan negara dan umat Islam betul pada tempatnya.

"Kita sudah menguruskan negara dengan baik dan stabil, selain berjaya memperkuatkan ekonomi. Kita bina keperluan infrastruktur untuk memperluaskan diri dengan semua kemahiran dalam menghadapi era teknologi maklumat, begitu juga industri," katanya.

Kini, katanya, negara Islam sedang ditekankan supaya mengamalkan demokrasi, tetapi tidak harus dilupai bahawa Barat juga melaksanakan banyak sistem, ideologi dan idea yang mereka sendiri kecewa apabila sistem itu gagal.

Dr Mahathir berkata, apa

yang terjadi sekarang ialah amalan menggunakan wang. Tidak ada yang menang pilihan raya tanpa bersandarkan wang. Belanja untuk berkempen cukup besar hingga rakyat miskin tidak boleh berbuat apa-apa kecuali dibantu orang yang mempunyai wang.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan yang baik bukan kerana ia negara Islam, sebaliknya ia perlu memiliki perkhidmatan awam yang profesional, termasuk pasukan polis dan tentera.

Mereka ini boleh dilatih dan ditanam perasaan dan semangat cintakan bekerja untuk negara, katanya.

Beliau berkata, undang-undang dan peraturan, ganjaran serta hukuman boleh digunakan untuk membendung amalan rasuah dan salah laku pada tahap minimum. Kaedah mengawasi cara bekerja boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian kerajaan.

Katanya, di bawah pemimpin yang baik dan jujur sama ada raja, perdana menteri atau presiden serta dibantu penasihat dan pakar, sesebuah negara termasuk negara Islam akan maju pada tahap lebih tinggi.

Negara akan terus stabil, makmur dan mampu berhadapan dengan apa saja cabaran dan ideologi, katanya.